

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Memandangkan amalan penukaran kod merupakan suatu fenomena linguistik yang terdapat di dalam mana-mana masyarakat pelbagai bahasa, maka pengetahuan tentang siapa, di mana, bila, bagaimana dan kenapa seseorang penutur menukar kod adalah penting untuk dikaji. Persoalan itu telah dijadikan asas kajian ini untuk cuba menghuraikan fenomena penukaran kod di kalangan guru pelatih Iban Kursus Diploma Perguruan Malaysia di Maktab Perguruan Rajang, Sarawak. Kajian ini secara khusus memfokus kepada aspek sosiolinguistik penukaran kod untuk cuba menghuraikan makna sosialnya dan mengenal pasti faktor pencetus berdasarkan beberapa fungsi perbualan sebagai kerangka teoritis kajian.

5.2 Makna Sosial Penukaran Kod dan Faktor Pencetus

Analisis kajian menunjukkan kesukaran mencari perkataan yang paling sesuai ketika membuat ujaran merupakan faktor utama subjek sering mencampurkan penggunaan bahasa ibunda dengan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris atau sebaliknya. Ini terbukti apabila kemudahan ekspresi merupakan fungsi perbualan yang paling kerap digunakan dalam amalan penutur menukar kod. Dengan menggunakan strategi ini, penutur dapat memastikan kelancaran komunikasi mereka. Ia juga merupakan pilihan linguistik yang terbaik untuk mendukung maksud yang ingin disampaikan. Hakikat ini dapat dibuktikan melalui penggunaan perkataan, antaranya “*show*”

(contoh 34), “*call*” (contoh 35), “*line*” (contoh 36), “terperangkap banjir” (contoh 32) dan “menyesuaikan diri” (contoh 33), yang bukan sahaja bersifat ekonomi dari segi penggunaannya, malah boleh membawa konotasi makna yang berlainan jika diujarkan dalam bahasa ibunda subjek kerana faktor kesukaran untuk mencari ekspresi yang sepadan ketika ujaran dibuat.

Masalah mencari perkataan yang paling sesuai ini juga dapat diperhatikan melalui penggunaan pernyataan yang berupa kata nama dalam bidang-bidang tertentu. Kedudukan identifikasi laras di tangga kedua dalam senarai fungsi perbualan mengikut kekerapan penggunaan membuktikan hakikat tersebut. Analisis data menunjukkan antara kata nama yang terdapat dalam ujaran pelbagai bahasa subjek ialah yang merangkumi nama makanan, filem, profesion, penyakit, bangunan, pakaian, peralatan, permainan dan organisasi. Pemilihan kata, antaranya “*hepatitis B*” (contoh 42), “*laptop*” (contoh 43), “*floppy A*” (contoh 44), “*burger*” (contoh 45), “*Dark Angel*” (contoh 46), “baju batik” (contoh 47), “Kursus Akademi I.C.T” (contoh 49), dan “Kerja Kursus Bimbingan dan Kaunseling” (contoh 50) adalah kerana penggunaannya yang lebih dekat dengan dunia penutur. Kecenderungan penutur untuk memasukkan perkataan Melayu yang berupa kata nama dalam bidang akademik, umpamanya, adalah berkait rapat dengan latar pendidikan mereka. Seajar dengan status mereka sebagai pelajar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, kemungkinan untuk menggunakan perkataan-perkataan Melayu bagi mengungkapkan sesuatu maksud, khasnya yang berkaitan dengan bidang akademik adalah sesuatu yang sukar dinafikan. Ini ditambah pula dengan faktor kemampuan inventori bahasa ibunda penutur yang agak terhad memandangkan bahasa itu belum bertaraf bahasa ilmiah. Dalam erti kata lain, kata nama bahasa Iban

yang digunakan dalam konteks ini adalah lebih terhad kepada fungsi sosial bahasa itu.

Selain itu, pengalaman sosial penutur yang hidup dalam masyarakat pelbagai bahasa dan kesan proses multilingualisme yang dialami semenjak di bangku sekolah lagi telah mendorong mereka untuk menukar kod. Hakikat ini dapat diperhatikan melalui beberapa tingkah laku bahasa penutur. Tingkah laku bahasa yang pertama ialah tabiat penutur menerapkan penggunaan leksem yang berupa penanda bawah sedar, seperti “tau/tahu” (contoh 78) dan “lah” (contoh 79; 80) ke dalam ujaran bahasa Iban atau Inggeris. Penutur secara tidak menyedarinya, amat mudah mengamalkan tabiat tersebut. Tingkah laku bahasa yang kedua ialah keinginan penutur untuk mendapatkan jawapan atau pengesahan tentang apa yang diujarkan sebelumnya. Untuk tujuan itu, partikel Melayu “kah” (contoh 67; 68) dan bentuk lainnya “ke” yang disesuaikan (contoh 69), biasanya digunakan sebagai unsur penegasan dalam bentuk ekor soalan atau *tag* telah digunakan untuk menggantikan partikel Iban “MEH” bagi mendukung fungsi semantik yang sama. Persamaan ini memungkinkan penutur begitu mudah untuk meregukan partikel “kah” atau “ke” dengan ujaran dalam bahasa ibunda mereka. Akhir sekali ialah tingkah laku membuat interjeksi. Interjeksi digunakan untuk melahirkan rasa tidak percaya, terkejut, kaget atau hairan penutur. Analisis data menunjukkan penggunaan interjeksi “*my goodness*” (contoh 13), “*oh my God*” (contoh 14), “*alamak*” (contoh 15) dan “*thanks God*” (contoh 16) merupakan fenomena linguistik yang biasa digunakan penutur untuk melahirkan emosi yang kuat atau perasaan jujur penutur terhadap apa yang dialami, didengar atau diketahuinya. Apapun ekspresi yang dipilih yang mungkin ditentukan oleh faktor perbezaan konotasi dan kesan komunikasi yang ingin disampaikan, ia tetap

mencerminkan hakikat keupayaan linguistik tambahan si penutur hasil daripada latar interaksi dan pengalaman sosial mereka dalam masyarakat pelbagai bahasa.

Amalan menukar kod di kalangan penutur juga mencerminkan kemahiran sosial yang sedia ada pada diri mereka. Kemahiran itu terserlah dalam interaksi mereka melalui penggunaan lima fungsi perbualan yang dapat dikenal pasti sebagai strategi komunikasi. Pertama, penutur percaya kandungan sesuatu mesej yang diperkenalkan akan lebih mudah difahami jika ia disertai dengan maklumat tambahan yang mungkin berbentuk penjelasan, huraian, ulasan atau komen dalam bahasa yang berlainan. Unipamanya dalam contoh 28, perihal “*speaking*” yang diperkenalkan telah diperjelaskan oleh si penutur dalam bahasa yang berlainan melalui ujaran seterusnya “BEJAKO ORANG PUTIH” (bercakap dalam bahasa Inggeris). Kedua, penutur juga percaya sesuatu *parenthetic remark* (contoh 52 hingga contoh 57) yang dibuat dalam bahasa yang berlainan dan kadang-kadang dinyatakan secara tidak dijangka atau diduga boleh mendatangkan kesan yang dramatik kepada pendengar. Oleh itu, *parenthetic remark* atau komen lebihan ini digunakan oleh penutur sebagai strategi untuk membangkitkan minat peserta perbualan.

Manakala itu, yang ketiga ialah penutur juga percaya kandungan sesuatu mesej akan lebih jelas jika ia diulang dalam bahasa yang berlainan (contoh 25 hingga 28). Analisis data menunjukkan strategi ini banyak digunakan dalam ujaran bahasa Iban-Inggeris, iaitu 80.0% berbanding dengan ujaran dalam bahasa Iban-Melayu 20.0%. Fenomena ini mungkin berkaitan dengan faktor perbezaan genetik di antara bahasa Iban dengan bahasa Inggeris yang adakalanya memerlukan penutur untuk membuat pengulangan mesej bagi mengurangkan masalah ketaksaan atau kekaburan makna.

Tahap penguasaan bahasa Inggeris yang agak rendah (lihat Jadual 1) di kalangan subjek juga turut menyumbang kepada masalah tersebut. Akhir sekali, petikan percakapan dilakukan secara *verbatim* supaya apa yang dituturkan itu kedengaran lebih meyakinkan dan boleh dipercayai (contoh 1 hingga contoh 7). Dalam situasi tertentu, unsur retorik adakalanya diungkapkan supaya boleh mendatangkan kesan dramatik kepada pendengar (contoh 6; contoh 7) di samping mempamerkan kemahiran komunikasi dan ragam percakapan di kalangan penutur. Dengan mengajuk bulat-bulat sesuatu ujaran atau percakapan, si penutur cuba memberikan gambaran atau impresi yang mungkin tepat atau sebaliknya bahawa itulah kata-kata sebenar yang diujarkan. Dalam perkataan lain, strategi komunikasi ini dilakukan untuk mengelakkan masalah penyimpangan ketepatan mesej, selain boleh memperagakan kewibawaan penutur.

Terdapat juga penukaran kod yang memanasifasikan kesopanan serta status sosial yang wujud di antara peserta perbualan. Dengan tidak menyebut terus nama seseorang, khasnya golongan yang lebih tua atau berstatus lebih tinggi, penutur telah memperlihatkan nilai sosial masyarakatnya yang mementingkan kesopanan dan budi bahasa serta adab percakapan yang menjadi norma masyarakat. Oleh itu, adalah sesuatu amalan semula jadi di kalangan penutur untuk merujuk kepada seseorang berdasarkan gelaran atau kedudukannya dalam hierarki sosial masyarakatnya melalui panggilan. Umpamanya bagi golongan pensyarah, panggilan seperti “Encik”, (contoh 43) dan “Cikgu” (contoh 2; 40; 72) sering digunakan penutur sebagai tanda hormat dan adab kesopanan mereka (contoh 73). Lawan kepada amalan ini, terdapat juga amalan penukaran kod yang dilakukan untuk tidak menunjukkan jarak sosial atau perbezaan status. Untuk itu gantinama diri kedua “*you*” yang merujuk kepada

pendengar dan gantinama diri pertama "I" untuk diri penutur digunakan. Selain itu, ekspresi "hi" (contoh 8) dan "hey" (contoh 9) turut digunakan kerana sifatnya yang bersahaja, akomodatif dan tidak mementingkan jarak sosial di antara penutur dengan pendengar. Latar perbualan yang berlaku dalam keadaan informal juga turut membenarkan penutur menggunakan gantinama dan ekspresi tersebut.

Manakala itu, amalan penutur yang kurang menukar topik perbualan dan membuat pernyataan yang tidak diduga boleh ditafsirkan sebagai keinginan penutur untuk mempamerkan solidariti dan akomodasi dalam perbualan mereka. Dengan beralih kepada topik atau perkara lain, seseorang itu memperlihatkan dirinya sudah tidak berada dalam *wavelength* yang sama untuk meneruskan sesuatu perbualan (contoh 75; 76; 77). Selain itu, pernyataan yang tidak diduga boleh menimbulkan kesan atau reaksi negatif di kalangan peserta perbualan (contoh 63; 64; 65; 66). Analisis data menunjukkan penutur amat kurang melakukan tingkah laku bahasa itu, hanya sebanyak 0.35% sahaja.

5.3 Cadangan

Kajian ini tidak mendakwa segala motivasi yang mencetuskan penukaran kod boleh dihuraikan dengan hanya mengkaji faktor-faktor sosiolinguistiknya sahaja. Lebih banyak bukti diperlukan untuk menjelaskan sebab seseorang penutur menukar kod. Mungkin aspek psikolinguistik penukaran kod boleh dikaji untuk cuba menyelami pemikiran penutur dwibahasa atau penutur berbilang bahasa, selain daripada kajian yang mengkhusus kepada aspek kebolehterimaan dan kegramatisan bahasa campuran yang melibatkan bahasa Iban dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau mana-mana bahasa tempatan di negeri Sarawak. *Kajian seumpama itu*

pasti dapat memperkukuh dan memperkayakan lagi khazanah ilmu dalam bidang penukaran kod dalam konteks masyarakat Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, bolehlah dikatakan bahawa penukaran kod bukanlah suatu fenomena bahasa yang berlaku secara rambang atau merupakan tingkah laku bahasa yang aneh. Ia merupakan fenomena linguistik yang mempunyai asas sepertimana yang dibuktikan melalui penggunaan fungsi perbualannya. Dalam konteks masyarakat yang bersifat dwibahasa atau berbilang bahasa, seperti dalam kes kajian ini, penukaran kod ternyata digunakan sebagai suatu strategi komunikasi mengikut fungsi yang pelbagai dan meluas. Lantaran itu, amalan penukaran kod tidak harus dianggap sebagai tanda penyimpangan atau pencemaran bahasa, sebaliknya ia harus dilihat sebagai sesuatu fenomena linguistik masyarakat pelbagai bahasa yang berasas dan mempunyai makna-makna sosialnya yang tersendiri.